



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**6 MAC 2023 (ISNIN)**



---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**6 MAC 2023 (ISNIN)**

## Ayam telur naik 60 sen lagi, pembekal resah

**IPOH** — Pembekal telur ayam terus mengeluh apabila harga ayam telur bakal dinaikkan oleh pembekal sebanyak 60 sen sekor bermula bulan hadapan.

Jurucakap syarikat pengeluar telur ayam bernama Goh berkata, kenaikan tersebut dimaklumkan syarikat pembekal kepada mereka dan pemain-pemain lain pada bulan lalu.

"Kali terakhir kenaikan harga ayam telur adalah pada Januari lalu apabila ia dijual RM3.60 seekor setelah ia dinaikkan sebanyak 50 sen daripada nilai terdahulu.

"Kini, kami dimaklumkan harga jualannya akan dinaikkan sebanyak 60 sen, menjadikan ia bakal dijual pada kadar RM4.20 seekor," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Goh berkata, pembekal me-

maklumkan bahawa kenaikan harga itu melibatkan dua varian ayam baru menetas (*day old chicks*) yang masing-masing akan menghasilkan telur berwarna coklat iaitu hisex brown serta hisex tinted.

Katanya, kenaikan harga tersebut sekali gus akan meningkatkan kos operasi syarikat pengeluar telur ayam kerana mereka terpaksa berbelanja lebih bagi membeli komoditi tersebut dari pada pembekal.

"Syarikat-syarikat penternak ayam telur sendiri pun tak pasti sehingga bila situasi ini akan dihadapi (kenaikan harga ayam telur).

"Ini kerana, baru sahaja ayam telur naik harga pada Januari lalu, kini ia dinaikkan lagi oleh pembekal. Kos bagi bela ayam masih tidak turun," jelasnya.



**PEMBEKAL** mengeluh kenaikan ayam telur sudah naik dua kali sejak Januari lalu. -- GAMBAR HIASAN

# Sekat kenderaan asing seludup diesel

**BUKIT KAYU HITAM** – Kerajaan perlu meminda undang-undang bagi membolehkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengambil tindakan terhadap kenderaan asing yang diubah suai untuk melakukan penyeludupan diesel ke negara jiran.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, pihaknya mendapati JPJ ketika ini tidak memiliki kuasa untuk mengambil tindakan ke atas kenderaan asing yang melakukan pengubahan.

Kata beliau, ia menyebabkan kenderaan tersebut kembali digunakan untuk melakukan jenayah sama setelah pemilik membayar kompaun atas kesalahan penyeludupan dilakukan sebelum itu.

"Jadi saya akan cadangkan kepada Perdana Menteri mengenai kemungkinan pindaan akta yang membolehkan JPJ mengambil tindakan terhadap pengubahan kenderaan asing bagi tujuan penyeludupan.

"Sekarang ini kita seakan tidak boleh ambil tindakan terhadap kenderaan sedemikian, sedangkan tujuan utama ubah suai tersebut adalah melakukan penyeludupan diesel yang menyebabkan ketirisan subsidi yang merugikan negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melakukan lawatan kerja ke Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan Bukit Kayu Hitam di sini semalam.

Selain melakukan kunjungan ke pintu sempadan Malaysia-Thailand, beliau turut berkun-



AHMAD meneliti kenderaan pacuan empat roda dari negara jiran yang diubah suai untuk tujuan penyeludupan di stor JKDM Bukit Kayu Hitam, semalam.

jung ke Stor Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk melihat barang rampasan serta kenderaan digunakan penyeludup diesel.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan dalam pembentangan Belanjawan 2023 baru-baru ini mendedahkan, wujudnya ketirisan subsidi diesel dengan anggaran hampir RM10 bilion sepanjang tahun lalu.

Mengulas lanjut, Ahmad Maslan berkata, jumlah RM10 bilion itu terlalu besar dan perlu

dibendung secepat mungkin ketika banyak lagi perkara boleh dilaksanakan demi kebaikan rakyat.

"Sebelum ini, ada juga dalam kalangan Ahli Parlimen pembangkang pertikaikan mengenai jumlah ketirisan itu yang didakwa mereka mungkin tak betul.

"Tetapi para pegawai pun sudah beritahu saya bahawa lonjakan subsidi diesel pada tahun lalu terlalu tinggi berbanding 2019, 2020 serta 2021 dan dari situ lah kita dapat kesan ketirisan," jelasnya.



---

---

# **MEDIA ONLINE**

## **(KPDN)**

---

---

**6 MAC 2023 (ISNIN)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 6 MAC 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
6-Mar	S'wak consumers advised to make smarter choices according to budget, needs	<a href="https://www.theborneopost.com/2023/03/05/swak-consumers-advised-to-make-smarter-choices-according-to-budget-needs/">https://www.theborneopost.com/2023/03/05/swak-consumers-advised-to-make-smarter-choices-according-to-budget-needs/</a>	THEBORNEOPOST
6-Mar	Seludup diesel: Akta bidang kuasa JPJ perlu dipinda	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/942395/seludup-diesel-akta-bidang-kuasa-jpj-perlu-dipinda">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/942395/seludup-diesel-akta-bidang-kuasa-jpj-perlu-dipinda</a>	HM
6-Mar	Kuat kuasakan undang-undang tanda harga	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/431335">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/431335</a>	THEMALAYSIANINSIGHT
6-Mar	KPDN yet to receive report on vegetable price hikes due to floods	<a href="https://bernama.com/en/news.php?id=2170045">https://bernama.com/en/news.php?id=2170045</a>	BERNAMA
6-Mar	Kritikan terhadap kerajaan harus membina bukan menjatuhkan - Salahuddin Ayub	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1072724/kritikan-terhadap-kerajaan-harus-membina-bukan-menjatuhkan">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1072724/kritikan-terhadap-kerajaan-harus-membina-bukan-menjatuhkan</a>	BH